

Kuala Lumpur

PELAKSANAAN GAJI MINIMUM RM1,500

'Saya kini dapat RM1,300 sebulan'

Pembayaran gaji minimum RM1,500 kepada pekerja di semua sektor termasuk majikan yang mempunyai kurang lima pekerja bermula kelmarin dilihat mampu meningkatkan lagi kesejahteraan hidup pekerja, sekali gus dapat membantu menangani beban kewangan yang dihadapi mereka.


Di KUALA LUMPUR, Pen-syarah Kanan Fakulti Per-niagaan dan Ekonomi, Uni-versiti Malaya (UM), Dr Roza Hazli Zakaria berkata, de-ngan kenaikan terbabit, ia juga mampu meningkatkan lagi produktiviti golongan pekerja.

"Mereka juga mungkin mendapat motivasi yang lebih bila gaji mereka mening-kat. Untuk golongan yang berpendapatan kecil, kenai-kan yang sedikit ini mem-punyai nilai yang besar dan bermakna kepada mereka.

"Pembayaran gaji mini-mum juga mampu mening-katkan kualiti kehidupan pe-kerja seperti mengatasi ma-salah kualiti makanan de-ngan membolehkan mereka membeli makanan yang lebih berkhasiat berbanding sebelum ini," katanya kepada Bernama.

Pada 27 Disember lalu, Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar berkata, pe-nguatkuasaan Perintah Gaji Minimum (PGM) bagi ma-jikan yang menggajikan ku-rang lima pekerja ditang-guhkan dari 1 Januari 2023 kepada 1 Julai 2023.

Bagi pekerja kedai makan, Nur Syazanna Mohd Fadzil, 29, kenaikan gaji sebanyak RM300 itu secara tidak lang-sung dapat membantu me-ningkatkan pendapatan isi rumah dalam mendepani



TUKANG gunting rambut melayan pelanggan ketika tinjauan di sekitar Kuala Lumpur, kelmarin. Penguatkuasaan gaji minimum RM1,500 akan dilaksanakan membabitkan majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja. Ketetapan tarikh itu diputuskan kerajaan akhir tahun lalu selepas majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja dibenarkan menanggunghkan pemberian gaji minimum terbabit sehingga enam bulan berbanding ditetapkan 1 Januari lalu sebelum ini.

cabaran peningkatan kos sara hidup di Lembah Klang.

"Kenaikan RM300 ini saya akan gunakan untuk mem-beli barangan keperluan anak-anak sebab sebelum ini gaji kami suami isteri hanya cukup-cukup makan," kata-nya yang mempunyai dua anak perempuan berusia tiga dan tujuh tahun.

Di PERAK, pekerja kedai kosmetik, Nor Shakila Fati-hah Mohd Amri, 21, pula

menyifatkan walaupun ni-lainya sedikit, dalam keada-an kos sara hidup semasa, ia amat membantu dirinya serta golongan B40.

"Pelaksanaan gaji mini-mum sebanyak RM1,500 itu perlu memandangkan gaji saya ketika ini selepas tolak EPF (Kumpulan Wang Sim-panan Pekerja) dan Perkeso (Pertubuhan Keselamatan Sosial) terdapat kurang dari RM1,170. Saya perlu mengu-

tamakan komitmen dan per-lu meneruskan kehidupan dengan wang yang berbaki itu selama sebulan," kata-nya.

Memahami keperitan di-tanggung pekerja terutama mereka yang berkeluarga, pemilik premis mencuci kenderaan, Khairul Nizam Mat Ludin, 41, berkata, ke-semua lima pekerja sudah dibayar gaji minimum RM1,500 sejak beberapa bu-

berkata, beliau mengambil pendekatan 'menang-me-nang' dengan menggajikan tiga pekerjanya secara harian iaitu RM60 sehari ba-gi memenuhi ketetapan ke-rajaan bagi pembayaran gaji minimum RM1,500.

"Keadaan perniagaan saya tidak begitu baik sekarang, jadi saya terpaksa bayar me-reka gaji secara harian...ka-lau mereka bekerja lebih 25 hari sebulan memang dapat RM1,500," katanya.

Di MELAKA, pekerja kedai emas, Nur Anis Ilyasa Norri Djaya, 23, dari Durian Tung-gal, Alor Gajah berkata, pe-laksanaan gaji minimum RM1,500 selain memberi ke-legaan juga memberi penan-da aras baharu gaji kepada golongan pekerja terutama golongan muda yang baharu memulakan kerjaya.

"Selepas gaji ditolak untuk simpanan KWSP dan skim perlindungan Perkeso, ka-dang-kadang gaji diterima saya kurang daripada RM1,000 sebulan, namun ki-ni, saya sekurang-kurang-nya memperoleh RM1,300 sebulan selepas ditolak KWSP dan Perkeso dan jika ditambah dengan komisen diterima, saya boleh dapat antara RM1,500 hingga RM2,000 sebulan," katanya.

Sementara itu, di PULAU PINANG, pekerja kedai run-cit, Fahmi Idris Mohd Noor, 25, berkata, peningkatan gaji sudah pasti menggembira-kannya selepas sebelum ini hanya menerima gaji RM1,200.

"Dalam keadaan sekarang, peningkatan itu sudah tentu menggembirakan kami yang masih dengan gaji lama dan majikan juga ada memak-lumkan berkaitan kenaikan gaji kami," katanya yang me-rancang untuk menyimpan lebihan gajinya.

lan lalu.

"Saya melaksanakan pem-bayaran gaji RM1,500 ber-bandings RM1,200 sebelum ini apabila kerajaan meny-a-rankannya. Ia patut beriku-tan kos hidup yang tinggi pada masa ini malah ada pekerja mempunyai pelba-gai komitmen terutama yang berkeluarga," katanya.

Di PAHANG, pemilik ke-dai makanan di Kuantan, Di-ana Surya Abd Wahab, 42,

TARIKH: 3/7/23
SURAT KHABAR: Harijan Metro
MUKA SURAT: 5